



**JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA**

REQUEST FOR PROPOSAL

**CADANGAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN DAN PENYENGGARAAN BANGUNAN GUNASAMA KERAJAAN PERSEKUTUAN (BGKP) BAGI
ZON SARAWAK**

NOMBOR RUJUKAN RFP : UKAS(S).700-5/1/5/4/2 (4)

Pelawaan *Request For Proposal* (RFP) ini adalah terbuka kepada syarikat-syarikat yang berdaftar di Malaysia, termasuk usaha sama dan konsortium (“Syarikat”), dengan kriteria berkaitan seperti berikut:

SYARAT	KELAYAKAN	BUTIRAN TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK (MANDATORI)	TARIKH DAN WAKTU PENJUALAN DOKUMEN RFP	HARGA DOKUMEN RFP	TARIKH TUTUP PENYERAHAN DOKUMEN RFP
Syarikat hendaklah memenuhi syarat berikut: (a) mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred G7 (“Sijil-sijil”) bagi kod bidang F dengan pengkhususan F01 dan M dengan	<ol style="list-style-type: none">1. Syarikat G7 mempunyai keupayaan kewangan:<ol style="list-style-type: none">(a) modal berbayar sekurang-kurangnya RM3 juta; dan(b) <i>net worth</i> semasa sekurang-kurangnya bernilai RM10 juta.2. Keupayaan teknikal bagi perkhidmatan pengurusan dan penyenggaraan bangunan:<ol style="list-style-type: none">(a) mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam	<p>Taklimat dan lawatan tapak :</p> <p>Tarikh : 23 Jun 2025 (Isnin)</p> <p>Masa : 10.00 pagi</p> <p>Lokasi : Bangunan Tun Datuk Patinggi Tuanku Haji Bujang</p> <p>Kehadiran bagi sesi taklimat dan lawatan tapak yang dinyatakan di atas adalah MANDATORI untuk semua Syarikat yang berhasrat</p>	<p>Tarikh pembelian dokumen RFP adalah pada:</p> <p>25 Jun 2025 hingga 2 Julai 2025</p> <p>Isnin – Khamis 9.00 pagi – 12.30 tengah hari 2.30 petang – 4.00 petang</p> <p>Jumaat 9.00 pagi – 12.00 tengah hari 3.00 petang – 4.00 petang</p> <p>(tidak termasuk Sabtu, Ahad dan</p>	<p>Harga dokumen RFP:</p> <p>RM10,000.00* (Sepuluh Ribu Ringgit sahaja)</p> <p>dalam bentuk</p> <p>draf bank / banker's cheque</p> <p>di atas nama</p> <p>AKAUNTAN NEGARA</p>	<p>15 Ogos 2025 (Jumaat)</p> <p>Waktu akhir serahan: 12.00 tengah hari</p> <p>Tempat:</p> <p>Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri, Bilik Tender Aras 4, Setia Perdana 2, Kompleks Setia Perdana, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya</p>

SYARAT	KELAYAKAN	BUTIRAN TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK (MANDATORI)	TARIKH DAN WAKTU PENJUALAN DOKUMEN RFP	HARGA DOKUMEN RFP	TARIKH TUTUP PENYERAHAN DOKUMEN RFP
<p>pengkhususan M01 atau UPKJ Kelas A Kepala IX dan Sub Kepala 1; dan</p> <p>(b) syarikat G7 yang ingin menyertai perlu menamakan syarikat perkhidmatan kawalan keselamatan yang memenuhi syarat-syarat RFP.</p> <p>*tempoh sah sijil hendaklah melebihi 3 bulan dari tarikh tutup.</p>	<p>membekalkan perkhidmatan dan penyenggaraan bangunan; dan</p> <p>(b) memiliki sijil CIDB yang masih sah dengan minimum penarafan Skor 3 Bintang.</p> <p>3. Keupayaan teknikal bagi perkhidmatan kawalan keselamatan:</p> <p>(a) syarikat berdaftar pada setiap masa dengan Kementerian Kewangan ("MoF");</p> <p>(b) memiliki lesen, permit, atau kebenaran yang sah dan aktif yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri ("KDN") untuk menjalankan perkhidmatannya;</p> <p>(c) merupakan ahli Persatuan Industri Keselamatan Malaysia ("PIKM") yang sah dan aktif sepanjang tempoh perjanjian konsesi; dan</p> <p>(d) mempunyai</p>	<p>menyertai tawaran RFP ini. Kegagalan menghadiri taklimat dan lawatan tapak akan menyebabkan Syarikat tidak layak untuk menyertai pelawaan RFP ini. Wakil Syarikat yang akan hadir hendaklah PENAMA yang diluluskan oleh Syarikat dan PENAMA tersebut adalah disenaraikan dalam PPK, SPKK, CIDB dan/atau UPKJ. Selaras dengan peraturan keselamatan yang telah ditetapkan, setiap wakil Syarikat yang akan menghadiri taklimat dan lawatan tapak perlu membawa bersama-sama salinan kad pengenalan semasa sesi tersebut.</p> <p>Dokumen wajib perlu dibawa semasa taklimat dan lawatan tapak:</p> <p>(a) salinan PPK, SPKK, CIDB dan/atau UPKJ;</p> <p>(b) salinan kad pengenalan; dan</p> <p>(c) cop rasmi Syarikat.</p> <p>*Hanya penama dalam PPK dan SPKK, CIDB atau UPKJ yang dibenarkan untuk menyertai taklimat dan lawatan tapak. Syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai</p>	<p>cuti umum) Tempat: Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri, Aras 2, Setia Perdana 2, Kompleks Setia Perdana, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya</p> <p>Dokumen wajib dibawa bagi urusan pembelian dokumen RFP:</p> <p>(a) Borang Pembelian Dokumen RFP; (b) surat wakil Syarikat; (c) salinan slip kehadiran sesi taklimat perolehan; (d) cop rasmi Syarikat; dan (e) draf bank / <i>banker's cheque</i> pembelian dokumen RFP.</p> <p>*Pembelian dokumen RFP ini hanya ditawarkan kepada Syarikat yang telah</p>	<p>MALAYSIA-JPM-T.</p> <p>* Syarikat sila ambil maklum bahawa pembayaran bagi pembelian dokumen RFP ini tidak akan dikembalikan dalam apa jua keadaan termasuk jika Syarikat berhasrat untuk tidak meneruskan penyertaan pada mana-mana proses selanjutnya.</p>	

SYARAT	KELAYAKAN	BUTIRAN TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK (MANDATORI)	TARIKH DAN WAKTU PENJUALAN DOKUMEN RFP	HARGA DOKUMEN RFP	TARIKH TUTUP PENYERAHAN DOKUMEN RFP
	pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun terkini dalam perkhidmatan kawalan keselamatan bangunan pejabat.	selain daripada penama-penama di dalam Sijil-sijil berkenaan.	menghadiri taklimat dan lawatan tapak seperti yang ditetapkan dan mengemukakan slip kehadiran taklimat dan lawatan tapak semasa pembelian dokumen RFP.		

* Tatacara penyerahan dokumen RFP adalah seperti di muka surat seterusnya.

PENYERAHAN DOKUMEN BIDAAN RFP

1. Dokumen bidaan RFP yang telah lengkap perlu diserahkan dalam bentuk salinan keras (*hard copy*) dan salinan digital (*soft copy*) seperti berikut:
 - a. **1 salinan keras** set asal cadangan bidaan yang mengandungi nama Syarikat, ditanda dengan jelas sebagai "**ORIGINAL**";
 - b. **5 salinan keras** set cadangan bidaan **TANPA nama Syarikat**, ditandakan dengan jelas sebagai "**COPY**";
 - c. **1 USB Flash Drive** yang mengandungi salinan digital set asal cadangan bidaan yang mengandungi nama Syarikat, ditanda dengan jelas sebagai "**ORIGINAL**"; dan
 - d. **1 USB Flash Drive** yang mengandungi salinan digital set cadangan bidaan tanpa nama Syarikat, ditandakan dengan jelas sebagai "**COPY**".
2. Kedua-dua **USB Flash Drive** ini hendaklah diserahkan dalam satu sampul berasingan dan dilabel dengan jelas sebagai "**SOFT COPY**" di bahagian atas kiri sampul.
3. **Penyerahan** dokumen bidaan yang lengkap diisi hendaklah dihantar secara serahan tangan ke Peti RFP di alamat berikut:

**Urusetia RFP BGKP Zon Sarawak
Unit Kerjasama Awam Swasta,
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Bilik Tender,
Setia Perdana 2, Kompleks Setia Perdana,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya**

4. Dokumen bidaan yang dihantar lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan (seperti dinyatakan dalam dokumen RFP) akan **ditolak dan tidak akan dipertimbangkan**. Kerajaan tidak akan bertanggungan ke atas apa-apa kos dan perbelanjaan yang dibuat oleh Syarikat dalam menyertai RFP ini. Kerajaan juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui pos atau kurier.



UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA, JABATAN PERDANA MENTERI

KENYATAAN *REQUEST FOR PROPOSAL*